

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap keberkesanan pengambilan dos Booster vaksin bagi mencegah pelbagai varian COVID-19 yang semakin mengganas serta apakah kesediaan negara dan mekanisma untuk melaksanakan pengambilan dos booster tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih belum menetapkan piawaian ujian antibodi COVID-19. Oleh demikian, kerajaan Malaysia mengambil pendekatan untuk tidak menjadikan ujian antibodi sebagai ujian rutin selepas vaksinasi COVID-19. Pada masa ini, ujian antibodi COVID-19 hanya adalah digunakan untuk penyelidikan sahaja.
2. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
3. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*). Pemberian dos ketiga vaksin COVID- 19 akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa di seluruh negara melebihi 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.